



02 APR, 2026

85 peratus isi rumah tidak alami kesan besar bil elektrik – ST

Harian Ekspres (KK), Malaysia



85 peratus isi rumah tidak alami kesan besar bil elektrik – ST

PUTRAJAYA: Suruhanjaya Tenaga (ST) memberikan jaminan bahawa kira-kira 85 peratus isi rumah domestik tidak akan mengalami kesan besar terhadap bil elektrik mereka susulan pelaksanaan Insentif Cepak Tenaga, di tengah-tengah krisis tenaga global.

Ketua Pegawai Eksekutif ST Siti Safinah Salleh berkata insentif untuk pengguna kediaman akan kekal pada skala pengurangan bagi penggunaan hingga 1,000 kilowatt-jam (kwj) dan kekal neutral bagi penggunaan hingga 600 kwj.

“Hal ini bermakna 85 peratus pengguna domestik atau isi rumah akan kekal pada tahap yang hampir stabil atau neutral dari segi kesan terhadap bil elektrik mereka.

“Insentif ini juga terpakai kepada pengguna bukan domestik voltan rendah bagi penggunaan hingga 200 kwj dan langkah ini diharapkan dapat membantu mengurangkan sebahagian daripada kesan inflasi yang dijangka akibat krisis yang sedang berlaku,” katanya pada Semakan Kawal Selia Tahunan ST (STARR) 2026 di sini pada Rabu.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarang (Perkhidmatan Berita Ekonomi) Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Harlina Samson.